

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn, di-upachara menyampaikan Sijil2 Dermasiswa Apex Club, Kuala Lumpur di-Pejabat Pelajaran Selangor, Kuala Lumpur pada 22.5.71 pukul 4.00 petang.

Terlebih dahulu saya menguchapkan terima kaseh kepada Lembaga Pengarah dan Ahli2 Apex Club Kuala Lumpur kerana menjemput saya dan isteri saya hadir di-upachara menyampaikan Sijil2 Dermasiswa kepada 30 orang pelajar2 di-sekitar Kuala Lumpur.

Saya menguchapkan tahniah atas usaha Apex Club, Kuala Lumpur memberikan dermasiswa kepada pelajar2 yang dahagakan bantuan terutama sekali bantuan kewangan. Saya berharap usaha2 Apex Club ini tidak berhenti setakat memberikan dermasiswa2 ini. Apex Club akan berusaha menambahkan lagi dermasiswa2 dengan lebih banyak bagi pelajar2 yang patut di-berikan dermasiswa2 itu.

Saya kira penuntut2 di-masa ini sangat-lah beruntong kerana bilangan biasiswa sangat2-lah banyak. Biasiswa ada-lah di-berikan berdasarkan kepada kechapaian atau kepandaian penuntut2 dan kemampuan ibu2 bapa yang berkenaan. Penuntut2 yang bernasib baik mendapat biasiswa seperti biasiswa Apex ini hendak-lah menunjukkan bahawa pelajaran mereka menjadi bertambah baik di-sebabkan oleh biasiswa. Mereka2 yang telah mendapat biasiswa tetapi tidak menunjukkan kejayaan, malahan pula menunjukkan kechapaian yang merosot, patut-lah di-luchutkan biasiswa-nya. Dan sa-terus-nya biasiswa ini patut di-untukkan kepada mereka2 yang betul2 mengharapakan bantuan dan mahu berkerja dengan segiat2-nya. Kepada mereka2 yang sudah ada biasiswa saya hendakkan mereka itu meletakkan nilai yang sa-tinggi2-nya kepada bantuan ini dengan membuktikan kejayaan yang chemerlang.

Saya juga tertarek hati dengan segala aktiviti2 yang di-jalankan oleh Ahli2 Apex Club ini. Mereka, di-samping bermesra antara ahli dengan ahli, telah dapat juga membuat kerja2 kebajikan seperti yang mereka lakukan kali ini, ia-itu memberi dermasiswa kepada pelajar2 yang perlukan bantuan. Saya berharap agar pertubohan2 atau badan2 lain yang belum berbuat demikian mencontohi usaha Apex Club ini. Berbagai jenis biasiswa dan dermasiswa telah di-keluarkan. Dengan itu nanti, murid2 yang pandai tetapi susah, di-sebabkan oleh kurang kemampuan wang, dapat-lah melanjutkan pelajaran tanpa gangguan. Usaha badan persendirian seperti Apex Club akan dapat menolong merengankan tanggungan kerajaan.

Pelajar2 negeri ini yang datang dari keluarga2 yang susah, tidak-lah sa-harus-nya bimbang tentang masa depan pelajaran mereka. Di-negeri ini, biasiswa2 dan dermasiswa2 kepada pelajar2 yang patut menerima ada-lah di-beri oleh Kerajaan2 Pusat dan Negeri, dan juga oleh pehak persendirian termasuk persatuan2, badan2 dan pertubohan2 seperti Apex Club ini. Tetapi sungguh pun demikian, bukan-lah tiap2

orang penuntut itu akan di-berikan bantuan. Suka saya tegaskan di-sini kerajaan memang dengan sa-berapa boleh hendak menolong anak2 kita supaya maju dalam pelajaran mereka. Juga ibu2 bapa ada-lah di-minta sama berkorban untok pelajaran anak2 mereka, dan jangan-lah semata2 menyerahkan anak2 mereka itu kepada Kerajaan dan para pendidik sahaja untok melateh mereka menjadi manusia yang berguna kepada masharakat dan negara-nya.

Kapada pelajar2 yang menerima dermasiswa2 ini, saya berharap mereka akan belajar bersungguh2 oleh kerana kejayaan mereka itu akan menjadi perangsang kapada Apex Club ini untok membanyakkan dan menambahkan lagi dermasiswa2 yang bakal di-berikan kapada pelajar2 yang lain pula. Saya yakin dan perchaya bahawa pelajar2 kita tidak akan mengechewakan orang2 yang memberi mereka dermasiswa2 saperti ini.

Akhir kata saya, bagi pehak pelajar2 dan guru2 dari sekolah2 yang menerima dermasiswa ini, menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Apex Club, Kuala Lumpur dan saperti kata bidalan orang2 Melayu .. terima kaseh daun keladi, kalau ada beri-lah lagi.



No. Siri	35
No Penerimaan	35/80